

UMS-KAL terima kemasukan pelajar baru esok

Penitip

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah-Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dijangka menerima kemasukan pelajar barunya dari tanah besar Sabah, esok.

Jurucakap UMS-KAL berkata, seramai 4,00 orang akan tiba dari Kota Kinabalu termasuk pelajar antarabangsa.

Para pelajar akan dibahagikan kepada dua trip menggunakan Feri Express di mana trip pertama pada jam 8 pagi dan trip kedua pada jam 1.30 petang.

UMS-KAL juga akan menerima kemasukan pelajar barunya seramai 500 orang melalui perjalanan Menumbok-Labuan pada hari sama.

Di Menumbok, para pelajar akan menaiki Feri Wawasan Perdana, iaitu feri penumpang dan kenderaan, juga didalam dua trip iaitu 10.30 pagi dan 4.30 petang.

Pengarah UMS-KAL, Professor Madya, Dr. Sharrif Abdul Kadir Omang Al-Haj, akan bertemu dengan pelajar baru di terminal feri penumpang untuk menyambut kedatangan mereka pada sebelah tengahari.